

## Rakyat enggan manfaat kepakaran dimiliki

**SHAH ALAM** – Rakyat negara ini mempunyai kepakaran dalam bidang tertentu, namun mereka enggan melabur masa bagi memperoleh manfaat menerusi kebolehan dimiliki, kata pakar ekonomi Pusat Pengajian Ekonomi, Kewangan dan Perbankan **Universiti Utara Malaysia**, Prof Datuk Dr Amir Hussin Baharuddin.

Menurutnya, segelintir rakyat di negara ini tidak mempunyai visi dalam bidang pekerjaan sebaliknya hanya memikirkan cara cepat meraih pendapatan bulanan yang tinggi.

“Negara kita mempunyai rakyat yang ada

kepakaran dalam bidang tertentu, namun mereka enggan untuk melabur masa dan tidak bersabar meraih pendapatan lebih.

“Sebilangan rakyat tidak mahu memanfaatkan kebolehan yang mereka miliki dan menyebabkan kerajaan terpaksa mengambil tenaga kerja dari luar,” katanya kepada *Sinar Harian*, semalam.

Beliau berkata demikian mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang semalam yang memaklumkan bahawa kerajaan sewajarnya memanfaatkan kepakaran yang dimiliki oleh rakyat bagi memajukan negara ini.